



MAJLIS DAERAH BERA
PAHANG DARUL MAKMUR

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat kawalan keselamatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia serta Kementerian Dalam Negeri dan masih layak menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa senjata seperti berikut :

NO. SEBUTHARGA	TAJUK SEBUTHARGA	KOD BIDANG	TARIKH TUTUP
MDB.BPSM.01/2023	CADANGAN MEMBEKALKAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI : PEJABAT MAJLIS DAERAH BERA, DEWAN KONVENSYEN, DAN TAMAN AWAM BANDAR BERA,	220801	20/11/2023 (Isnin) Jam 12.00 Tengah hari


2. Borang Tawaran Sebutharga yang disertakan syarat-syarat dan skop penugasan bolehlah dibeli di Kaunter Hasil, Aras Bawah, Pejabat Majlis Daerah Bera, Bandar Bera, pada bila-bila masa dalam waktu bekerja pejabat dengan harga **RM 20.00** setiap set mulai **6 November 2023 (Isnin)** .

3. Harga tawaran adalah berdasarkan harga sejam bagi tempoh sebulan. Pihak Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran sebutharga yang terendah atau sebaliknya. Penyebutharga adalah dinasihatkan melawat kawasan-kawasan kawalan sebelum mengemukakan tawaran sebutharga. Maklumat asas perkhidmatan adalah seperti berikut :-

Lokasi : Pejabat Majlis Daerah Bera, Dewan Konvensyen Dan Taman Awam Bera

1. *Tempoh Kawalan : Selama 12 bulan mulai 1 Januari 2024 - 31 Disember 2024*
2. *Waktu Kawalan : Selama 24 jam*
3. *Jumlah Pengawal : Sekurangny dua orang (seorang siang dan seorang malam)*

4. Borang sebutharga mula dijual pada **6 November 2023** dan tarikh tutup sebutharga pada **20 November 2023**. Borang sebutharga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Bahagian Kejuruteraan, Aras 2, Pejabat Majlis Daerah Bera, 28200 Bandar Bera, Pahang, selewat-lewatnya pada **20 November, 2023 (Isnin) jam 12.00 tengah hari**. MDBera tidak bertanggungjawab ke atas kelewatan penerimaan borang sebutharga yang dihantar melalui pos.



(**HALIMI BIN IDRIS, SMP.**)
Setiausaha,
b.p. Yang Dipertua,
Majlis Daerah Bera.

AYD/ surat/ klan/ kaw/ keselamatan

Ruj. Fail : Bil () dlm. MDB. 001 / 03 / 074 (24) JLD.13